



21 September 2021
21 September 2021
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENGEQUALIAN) (NO. 10) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION)
(NO. 10) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 10) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini—

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“perbelanjaan modal yang layak” ertinya perbelanjaan modal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3.

(2) Kecuali bagi subperenggan 5(1) dan (4), perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta hendaklah terpakai berhubung dengan apa-apa sebutan mengenai “dilakukan” dalam Perintah ini, dan perkataan “melakukan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Syarikat yang layak

3. Syarikat yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat yang—
- (a) diperbadankan atau disifatkan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang bermastautin di Malaysia;
 - (b) terlibat dalam aktiviti pengilangan dalam sektor elektrik dan elektronik dengan mematuhi Akta Penyelarasan Industri 1975 [Akta 156] bagi maksud pelaburan semula dalam projek yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(2);
 - (c) memegang suatu lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;
 - (d) memegang suatu lesen pengilang yang dikeluarkan oleh pegawai pelesenan menurut Akta Penyelarasan Industri 1975 atau surat pengesahan pengecualian daripada lesen pengilang yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (e) telah membuat tuntutan bagi insentif yang berikut yang tempoh bagi insentif itu telah tamat dalam tahun taksiran 2019 atau apa-apa tahun taksiran lain yang sebelumnya berkenaan dengan projek yang layak yang sama:
 - (i) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta; dan
 - (ii) apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

Perbelanjaan modal yang layak

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal yang berikut yang dilakukan oleh suatu syarikat yang layak berhubung dengan suatu bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud menjalankan projek yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(2):

(a) berhubung dengan bangunan atau kilang, kos pembelian atau pembinaan bangunan atau kilang; dan

(b) berhubung dengan jentera atau loji, kos penyediaan jentera atau loji.

(2) Perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas—

(a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal; atau

(b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja perkeranian, syarikat yang layak itu.

Pengecualian

5. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu projek yang layak yang disebut dalam subperenggan (2), yang bersamaan dengan amaun elaun sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak itu.

(2) Projek yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) ialah projek yang diluluskan oleh Menteri yang dijalankan oleh suatu syarikat yang layak dalam

membesarkan, memodenkan, mengautomatiskan atau mempelbagaikan perniagaannya dalam menjalankan aktiviti pengilangan dalam sektor elektrik dan elektronik.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh lima tahun berturut-turut (selepas ini disebut sebagai “tempoh pengecualian”) bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan oleh syarikat yang layak, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan oleh syarikat yang layak tidak boleh lebih awal dari 1 Januari 2020.

(5) Jika suatu syarikat yang layak melakukan perbelanjaan modal yang layak yang pertama dan perbelanjaan modal yang layak berkenaan dengan projek yang layak yang disebut dalam subperenggan (1), sebelum permulaan projek yang layak yang akan dijalankan, maka perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran syarikat yang layak memulakan projek yang layak itu.

(6) Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 1 Januari 2020 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2021.

(7) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada syarikat yang layak mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri termasuk—

(a) syarikat yang layak hendaklah melabur dalam projek yang layak sekurang-kurangnya satu juta lima ratus ribu ringgit dalam tempoh pengecualian;

- (b) syarikat yang layak hendaklah melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia bagi menjalankan projek yang layak;
- (c) syarikat yang layak hendaklah menggaji bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia bagi menjalankan projek yang layak; dan
- (d) syarikat yang layak memenuhi salah satu syarat yang berikut:

 - (i) menjalankan program pembangunan vendor dengan membangunkan sekurang-kurangnya dua syarikat vendor tempatan baharu; atau
 - (ii) menjalankan program pembangunan modal insan dengan memenuhi salah satu syarat yang berikut:

 - (A) menjalankan program latihan dengan universiti tempatan atau politeknik dengan mengambil sekurang-kurangnya lima orang pelajar warganegara Malaysia bagi setiap tahun taksiran dan menjalankan program latihan bagi tempoh minimum tiga bulan dalam tempoh pengecualian;
 - (B) bekerjasama dengan universiti tempatan dalam penambahan kurikulum berhubung dengan sukatan pelajaran elektrik dan elektronik; atau
 - (C) menjalankan program peningkatan kemahiran atau pemahiran semula dengan universiti tempatan, politeknik atau institusi teknikal.

(8) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

Pendapatan berkanun

6. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 5(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu bangunan, kilang, jentera atau loji digunakan bagi maksud suatu projek yang layak, juga digunakan bagi maksud suatu projek selain projek yang layak itu, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu digunakan bagi maksud projek yang layak.

(3) Amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 5(1) tidak boleh melebihi lima puluh peratus bagi setiap tahun taksiran.

(4) Jika, oleh sebab sekatan pengecualian kepada lima puluh peratus daripada pendapatan berkanun menurut subperenggan (3) atau ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun syarikat yang layak daripada projek yang layak, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 5(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada amaun yang tidak boleh dikecualikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi maksud subperenggan 5(1) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tamat tempoh pengecualian, dan apa-apa amaun pengecualian pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan ke atas syarikat yang layak itu, oleh sebab sekatan pengecualian kepada lima puluh peratus daripada pendapatan berkanun atau ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak diambil kira bagi maksud perenggan ini.

Pelupusan bangunan, kilang, jentera atau loji dalam tempoh dua tahun

7. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat yang layak ke atas bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan bagi maksud suatu projek yang layak dan bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh perolehan bangunan, kilang, jentera atau loji itu, pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi bangunan, kilang, jentera atau loji yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

8. (1) Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa bangunan, kilang, jentera atau loji yang berkenaan dengannya pengecualian dipohon oleh syarikat yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Penarikan balik pengecualian

9. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) sekiranya syarikat yang layak gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 5(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu dari tahun pertama tempoh pengecualian.

Punca berasingan dan akaun berasingan

10. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu projek yang layak dan projek selain projek yang layak, setiap projek hendaklah dikira sebagai suatu punca projek berasingan dan berlainan bagi syarikat yang layak itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 5(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap projek yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakkpakaian

11. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

(a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;

(b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan projek yang layak yang sama;

(c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan projek yang layak yang sama; atau

(d) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—

(i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;

(ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau

- (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Dibuat 14 September 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/129; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29); PN(PU2)80/JLD.102]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 10) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2020.

Interpretation

2. (1) In this Order—

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [*Act 397*];

“qualifying capital expenditure” means a capital expenditure as provided under paragraph 4;

“qualifying company” means a company as provided under paragraph 3.

(2) Except for subparagraphs 5(1) and (4), paragraphs 46 and 55 of Schedule 3 to the Act shall apply in relation to any reference to “incurred” in this Order, and the word “incurs” shall be construed accordingly.

Qualifying company

3. The qualifying company referred to in this Order is a company which—

(a) is incorporated or deemed to be registered under the Companies Act 2016 [*Act 777*] which is resident in Malaysia;

- (b) is involved in a manufacturing activity in electrical and electronic sector in compliance with the Industrial Co-ordination Act 1975 [*Act 156*] for the purpose of reinvestment in the qualifying project referred to in subparagraph 5(2);
- (c) holds a business licence issued by the relevant local authority;
- (d) holds a manufacturing licence issued by the licensing officer pursuant to Industrial Co-ordination Act 1975 or a confirmation letter of exemption from manufacturing licence issued by the Malaysian Investment Development Authority, as the case may be; and
- (e) has made a claim for the following incentive for which the period of that incentive has ended in the year of assessment 2019 or any other preceding years of assessment in respect of the same qualifying project:
 - (i) reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act; and
 - (ii) any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*].

Qualifying capital expenditure

4. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is the following capital expenditure incurred by a qualifying company in relation to a building, factory, machinery or plant used in Malaysia solely for the purpose of carrying on a qualifying project referred to in subparagraph 5(2):

- (a) in relation to a building or factory, the cost of purchasing or constructing a building or factory; and
- (b) in relation to a machinery or plant, the cost of providing a machinery or plant.

(2) The qualifying capital expenditure referred to in subparagraph (1) shall not include capital expenditure incurred on—

(a) any building used as living accommodation; or

(b) any machinery or plant which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management or administration, or clerical staff, of that qualifying company.

Exemption

5. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a qualifying project referred to in subparagraph (2), which is equivalent to the amount of allowance of fifty per cent of the qualifying capital expenditure incurred by that qualifying company.

(2) The qualifying project referred to in subparagraph (1) is a project approved by the Minister which is undertaken by a qualifying company in expanding, modernizing, automating or diversifying its business of carrying on manufacturing activity in electrical and electronic sector.

(3) The exemption period referred to in subparagraph (1) shall be for a period of five consecutive years (hereinafter referred to as “the exemption period”) commencing from the date of the first qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company, as determined by the Minister or the Minister charged with the responsibility for international trade and industry, as the case may be.

(4) The date of the first qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company shall not be earlier than 1 January 2020.

(5) Where a qualifying company incurs its first qualifying capital expenditure and qualifying capital expenditure in relation to the qualifying project referred to in

subparagraph (1), prior to the commencement of the qualifying project which is about to carry on, then that expenditure shall be deemed to be incurred in the basis period for a year of assessment in which the qualifying company commences to carry on that qualifying project.

(6) An application for exemption under this Order shall be made to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority on or after 1 January 2020 but not later than 31 December 2021.

(7) An exemption granted under this Order is subject to the qualifying company complying with the conditions imposed by the Minister which include—

- (a) the qualifying company shall invest in the qualifying project at least one million and five hundred thousand ringgit within the exemption period;
- (b) the qualifying company shall incur an approved adequate amount of annual operating expenditure in Malaysia to carry on the qualifying project;
- (c) the qualifying company shall employ an approved adequate number of full-time employees in Malaysia to carry on the qualifying project; and
- (d) the qualifying company fulfills one of the following conditions:
 - (i) undertakes vendor development programme by developing at least two new local vendor companies; or
 - (ii) undertakes human capital development programme by fulfilling one of the following conditions:

- (A) undertakes internship programme with local university or polytechnic by taking at least five students who are Malaysian citizens for each year of assessment and undertakes internship programme for a minimum period of three months during the exemption period;
- (B) collaborates with local university on curriculum enhancement in relation to electrical and electronic syllabus; or
- (C) undertakes upskilling or reskilling programme with local university, polytechnic or technical institution.

(8) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

Statutory income

6. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 5(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where a building, factory, machinery or plant is used for the purposes of a qualifying project, is also used for the purposes of a project other than a qualifying project, then the amount of the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the building, factory, machinery or plant is used for the purposes of the qualifying project.

(3) The amount of statutory income so exempt referred to in subparagraph 5(1) shall not exceed fifty per cent for each year of assessment.

(4) Where, by reason of the restriction of the exemption to fifty per cent of the statutory income pursuant to subparagraph (3) or absence or insufficiency of the statutory income of the qualifying company from the qualifying project, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 5(1) for that year of assessment, then so much of the amount as cannot be exempt for that year of assessment shall be deemed to be a qualifying capital expenditure incurred for the purpose of subparagraph 5(1) for a period of seven consecutive years of assessment and that period commences immediately after the end of the exemption period, and any amount of exemption at the end of that period which has not been given to that qualifying company, by reason of the restriction of the exemption to fifty per cent of the statutory income or of insufficiency or absence of statutory income for that period, shall be disregarded for the purpose of this paragraph.

Disposal of building, factory, machinery or plant within two years

7. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on a building, factory, machinery or plant used for the purposes of a qualifying project and such building, factory, machinery or plant is disposed of at any time within the period of two years from the date of acquisition of the building, factory, machinery or plant, the exemption granted under subparagraph 5(1) shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the building, factory, machinery or plant is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for building, factory, machinery or plant disposed to related company

8. (1) Where the qualifying company disposes to its related company any building, factory, machinery or plant in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

(2) For the purpose of this paragraph, “related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986.

Withdrawal of exemption

9. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 5(1) if the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 5(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying company from the first year of the exemption period.

Separate source and separate account

10. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying project and project other than a qualifying project, each project shall be treated as a separate and distinct source of project for the qualifying company.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 5(1) shall maintain a separate account for the income derived from each project referred to in subparagraph (1).

Non-application

11. This Order shall not apply to a qualifying company which in the basis period for a year of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying project;
- (c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying project; or

(d) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—

- (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
- (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or
- (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Made 14 September 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/129;LHDN.AY.A.600-12/1/7(29); PN(PU2)80/JLD.102]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]